

SIARAN AKHBAR

URUSAN PERBANKAN **TH** LEBIH MUDAH DENGAN JomPAY

KUALA LUMPUR, 3 Februari 2021 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) memperkenalkan kemudahan pemindahan dana dalam talian - JomPAY sebagai sebahagian daripada usaha ke arah digitalisasi dengan menyediakan lebih banyak *touchpoints* untuk kemudahan para pen depositnya.

Sebanyak 28 buah bank di Malaysia menyediakan kemudahan ini menerusi platform perbankan internet masing-masing. Melalui JomPay, para pen deposit boleh membuat urusan pemindahan dana secara dalam talian ke dalam akaun simpanan **TH** pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

"**TH** sentiasa berusaha untuk menambah baik perkhidmatan digital kepada para pen depositnya dan dengan pengenalan kemudahan JomPAY, urusan para pen deposit dapat dijalankan dengan lebih mudah. Para pen deposit dapat memindahkan dana daripada akaun simpanan/semasa bank mereka ke akaun simpanan **TH** melalui platform perbankan internet yang sedia ada. Tambahan pula, para pen deposit tidak perlu membuat sebarang pendaftaran untuk menggunakan kemudahan ini dan ia adalah percuma," kata Tuan Haji Mustakim Mohamad, Pengarah Eksekutif Operasi **TH**.

Jumlah transaksi pen deposit yang menggunakan kemudahan perbankan internet dan pelbagai saluran dalam talian telah meningkat kepada hampir 80 peratus berbanding transaksi yang dilakukan di kaunter. Dengan kemudahan tambahan ini akan memudahkan lagi para pen deposit untuk berurusan dengan **TH**. *JomPay Biller Code* bagi simpanan **TH** adalah 60228 dengan 15-digit nombor Akaun Simpanan **TH** perlu dimasukkan sebagai *Ref-1*.

-Tamat-

LEMBAGA TABUNG HAJI

Lembaga Tabung Haji (**TH**) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). **TH** menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini menyimpan wang untuk mengerjakan haji. **TH** mempunyai lebih 50 tahun pengalaman dalam perkhidmatan simpanan, haji dan pelaburan. Sebagai sebuah institusi haji terunggul negara, **TH** berusaha untuk mengukuhkan ekonomi umat Islam Malaysia dengan memanfaatkan dana dan sumber sedia ada. **TH** komited memberi perkhidmatan cemerlang dan memuaskan kepada semua Jemaah Haji Malaysia. Pencapaian **TH** yang konsisten telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif. **TH** mempunyai lebih 9 juta pendeposit dan 125 cawangan dengan lebih 10,000 'touch-points' di seluruh negara. **TH** juga mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre di talian 03-6207 1919. Keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

| | |
|--|---|
| <p>Affan Aimaduddin Azami Eksekutif Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara TH Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2238 Tel. Bimbit: 019 984 7138 Faks: 03 2164 0436 Emel: affan.aimaduddin@lth.gov.my</p> | <p>Mohamad Naser Jaffar Pengurus Kanan Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara TH Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2451 Tel. Bimbit: 019 200 8438 Faks: 03 2164 0436 Emel: naser@lth.gov.my</p> |
|--|---|